

## PERANAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) DAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS) TERHADAP PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI SELANGOR

[ROLE SELANGOR ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL (MAIS) AND SELANGOR  
ISLAMIC RELIGIOUS DEPARTMENT (JAIS) ON DEVELOPMENT  
AND SOCIAL WELFARE OF ISLAMIC SOCIETY IN SELANGOR]

ABDUL QAHHAR IBRAHIM,<sup>1</sup> ROSLAN AB RAHMAN,<sup>1</sup> & MOHD BORHANUDDIN ZAKARIA<sup>1</sup>

Received Date: 6 February 2019

Accepted Date: 20 February 2019

### Abstrak

Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) di Malaysia pada asasnya diurus tadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Menariknya setiap majlis dan jabatan agama Islam negeri mempunyai dasar, objektif dan strategi yang berbeza di antara satu sama lain. Melalui dasar yang berbeza ini maka pihak institusi agama tersebut mempunyai gerak kerja yang berlainan dengan negeri-negeri lain. Artikel ini ditulis adalah bertujuan untuk meneliti dasar dan juga peranan MAIS dan JAIS dalam aspek pembangunan sosial masyarakat Islam di Negeri Selangor Darul Ehsan. Kajian mendapati MAIS telah menetapkan dasar PHEI Negeri Selangor ke arah pembangunan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam Selangor. Manakala JAIS pula bertindak sebagai pelaksana bagi dasar tersebut dengan sokongan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) dan bahagian-bahagian tertentu khususnya pada aspek pembangunan dan kesejahteraan sosial masyarakat Islam di Selangor. Kajian susulan wajar dilaksanakan bagi melihat sejauhmanakah pelaksanaan dan keberkesanannya pelaksanaan pembangunan sosial umat Islam di Negeri Selangor oleh MAIS dan JAIS demi mempertingkatkan kualiti PHEI di Selangor khususnya dan di Malaysia umumnya.

**Kata Kunci:** MAIS, JAIS, Sosial dan Negeri Selangor

### Abstract

Management of Islamic Affairs (PHEI) in Malaysia is basically administered by the State Islamic Religious Council (MAIN) and State Islamic Religious Departments (JAIN). Interestingly, every Council and state religious departments have policies, objectives and strategies that are different from each other. Through these different policies, the party's religious institutions have different exercises with other states. This article was written was to examine the role of policy and also in terms of MAIS and JAIS social development of the Muslim community in Selangor Darul Ehsan. The study found MAIS has established policies PHEI State towards the development of economic and social welfare of the Selangor Islamic society. While JAIS acted as executor of the policy with the support of District Islamic Religious Office (PAID) and certain parts, especially in the aspect of development and social

<sup>1</sup> Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

#### Corresponding Author:

MOHD BORHANUDDIN ZAKARIA, Pusat Pengajian Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA,  
E-mail: noorsafuanen@unisza.edu.my

welfare of the Muslim community in the state. Follow-up studies should be done to see the extent of the implementation and effectiveness of the implementation of the social development of Muslims in Selangor by MAIS and JAIS to improve the quality PHEI Selangor in particular and Malaysia in general.

**Key Words:** MAIS, Economy, Selangor

**Cite This Article:**

Abdul Qahhar Ibrahim, Roslan Ab Rahman & Mohd Borhanuddin Zakaria. 2019. Pelaksanaan pengurusan hal ehwal Islam (PHEI) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terhadap pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Negeri Selangor Darul Ehsan. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)* 1(1): 55-66.

## Pengenalan

Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) adalah berbeza mengikut negeri-negeri yang terdapat di Malaysia. Salah satunya adalah disebabkan setiap negeri yang terdapat Sultan atau Raja maka kedudukan Ketua Agama Islam adalah terletak dibawah kuasa baginda. Ini berbeza dengan negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan atau Raja, di mana Yang di-Pertuan Agong (YDPA) akan bertindak sebagai Ketua Agama Islam. Perbezaannya juga semakin jelas apabila setiap negeri tersebut turut mempunyai Dasar yang berbeza selaras dengan apa yang telah termaktub di dalam enakmen pentadbiran agama Islam masing-masing. Oleh itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ditugaskan atau dipertanggungjawabkan untuk menyelaras PHEI di Malaysia dan ini juga merupakan tugas yang berat dan wajar diuruskan secara bijaksana oleh pihak JAKIM yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri.

Kesedaran dan usaha untuk menyelaras bidang pentadbiran Islam secara khusus telah muncul sejak awal kemerdekaan lagi. Untuk tujuan tersebut Majlis Raja-Raja telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) yang antara lain bertujuan untuk menyelaras pentadbiran Islam, undang-undang serta pendidikan Islam. Persetujuan menubuhkan majlis ini dibuat oleh Majlis Raja-Raja dalam tahun 1968. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri dan juga beberapa orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) (Mohd. Shahir Abdullah, 2000: 88).

Oleh itu, MAIS dan JAIS merupakan satu badan agama Islam yang bertanggungjawab dalam pentadbiran agama Islam secara khusunya di Negeri Selangor. Malah dengan Dasar dan Strategi PHEI tersendiri MAIS berusaha memenuhi tuntutan dasar yang telah dirangka berhubung kait dengan kepentingan umat Islam di Selangor. Walau bagaimana pun, penulisan ini hanya tertumpu kepada aspek pembangunan sosial masyarakat Islam di Negeri Selangor yang telah dilaksanakan oleh MAIS dan JAIS.

## LATARBELAKANG MAIS

MAIS merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (a body corporate) menurut Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pada 1 Mac 2005, Pentadbiran

Bahagian Pengurusan Baitulmal (BPB) telah dipindahkan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ke MAIS dan telah disahkan oleh Mesyuarat MAIS pada 14 April 2005. Pengasingan ini adalah menepati kehendak peruntukan Seksyen 81(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan bahawa MAIS berkuasa untuk mentadbir dan berhak kepada semua wang dan harta Baitulmal. Pada asasnya tugas MAIS adalah selaras dengan Dasar PHEI Negeri Selangor dengan merujuk kepada Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu:

“Maka hendaklah menjadi kewajipan majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat islam di dalam negeri selangor selaras dengan hukum syarak”Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Pada awal penubuhannya, fungsi MAIS adalah untuk menasihati DYMM Sultan sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) yang menyatakan seperti berikut:

“Majlis bagi pihaknya dengan kuasa dikurniakan oleh DYMM Sultan bagi sifatnya menjadi Ketua Agama Negeri inil Hendaklah menolong dan menasihatkan kepada DYMM Sultan di atas segala perkara yang berkaitan dengan Agama Negeri dan Adat Istiadat Melayu, dan hendaklah di dalam segala perkara-perkara itu menjadi kuasa yang tertinggi sekali di dalam negeri ini melainkan yang ada berlawanan dengan perkara yang tersebut di dalam Undang-undang ini ”.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2003, fungsi MAIS tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut:

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini ”.

## **LATARBELAKANG JAIS**

Di samping kewujudan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) pada setiap negeri di Malaysia terdapat juga di sana satu badan agama khusus yang dinamakan sebagai Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang dilihat membantu pelaksanaan pentadbiran agama Islam negeri yang bertindak sebagai pelaksana dasar PHEI negeri. Menurut Ab Aziz Mohd Zin et al. (2006:119-120) Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) merupakan institusi pemerintah yang memainkan peranan utama dalam melaksanakan tuntutan dakwah Islam dengan kekuatan dan kekuasaan yang diperolehnya. Ia menjadi pemerhati dan pemantau kerajaan bagi mewujudkan

keselarasan dan kemurnian agama Islam itu sendiri dari pelbagai cabaran dan masalah yang sentiasa menduga keutuhan agama Islam.

Sejarah Penubuhan JAIS bertitik tolak daripada keperihatinan Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj terhadap nasib rakyat dalam zaman pemerintahan Jepun dan penularan fahaman komunis yang boleh menjelaskan nilai akhlak serta kepercayaan orang Melayu pada masa itu. Baginda menitahkan kepada kerajaan negeri Selangor supaya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam diwujudkan.

Pada 1 Oktober 1945, Jabatan Hal Ehwal Islam ditubuhkan, di mana YM Raja Haji Nong bin Raja Hussin telah dilantik menjadi setiausaha institusi ini. Pejabat sementara pentadbiran ini telah ditempatkan di pejabat Sultan yang terletak berhampiran dengan Istana Kota Klang setelah mendapat restu dan keizinan Baginda. Pembiayaan pengurusan adalah bersumberkan daripada peruntukan diraja.

Penubuhan Jabatan ini membantu usaha kerajaan dalam mengekang perkembangan fahaman komunis di Tanah Melayu di samping memperbaiki akhlak dan kepercayaan orang Melayu pada masa itu. Setelah dirujuk susunan pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor berasaskan satu lawatan ke Jabatan Agama Islam Johor pada 1946, Undang-undang Tubuh Negeri Selangor telah digubal pada tahun 1947 meliputi hal penubuhan Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Rentetan daripada perkembangan ini, tertubuhlah secara rasminya Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam pada bulan Januari 1948. Bangunan lama Kelab Diraja Selangor dipilih sebagai pejabat pentadbirannya (JAIS 2019).

Jelasnya JAIS telah menetapkan visinya iaitu “Terbaik, Bertaraf Dunia Dan Diredhai Allah S.W.T” dan misinya adalah untuk melahirkan ummah yang beriman dan bertaqwa melalui pengurusan hal ehwal Islam secara hikmah, amanah dan berkesan. Oleh itu bagi memenuhi kehendak visi dan misi tersebut maka JAIS telah merangka beberapa objektif utama yang perlu dihayati dan difahami oleh seluruh warga JAIS, iaitu:

1. Menyediakan prasarana institusi Islam dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik, cekap dan berkesan.
2. Memberikan pendidikan agama yang kukuh kepada umat Islam di Negeri Selangor.
3. Merancang, melaksana dan memantau program dakwah kepada semua lapisan masyarakat.
4. Merancang, melaksana dan memantau Program Pembangunan Keluarga Islam.
5. Menguatkuasakan Undang-undang Hal Ehwal Islam yang sedia ada dan terpakai.
6. Meneruskan keunggulan institusi masjid ke arah perpaduan dan pembangunan ummah.
7. Memperkuatkannya dan mempertahankan aqidah dan syariah ummah melalui penyelidikan, pemantauan dan penguatkuasaan.
8. Merancang dan melaksanakan latihan ke arah meningkatkan kualiti pengurusan Hal Ehwal Islam.
9. Memastikan sistem penyampaian Pengurusan Hal Ehwal Islam di peringkat daerah berjalan dengan cekap dan berkesan (JAIS 2019).

Seterusnya bagi memantapkan lagi usaha tersebut JAIS telah merangka satu Pelan Strategik JAIS 2009-2014 dan Pelan Strategik JAIS 2015-2019. Pelan Strategik ini dibina supaya gerak kerja yang dijalankan dapat memenuhi dasar dan objektif yang telah ditetapkan.

Pelan strategik kini merupakan sebuah dokumen halatuju Jabatan yang amat penting untuk dijadikan garis panduan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga merupakan salah satu daripada usaha JAIS dalam merangka dan membentuk hala tuju, budaya kerja dan identitinya tersendiri. JAIS berhasrat untuk mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti, telus dan cekap melalui penggembelingan tenaga dan sumber secara efisyen. Pelan strategik ini mensasarkan untuk menjadikan Islam sebagai agama syumul di Selangor. Bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan, sebanyak lima (5) objektif strategik dan 107 pelan tindakan telah dibentuk melalui penerapan nilai-nilai yang dikongsi bersama seluruh warga kerja JAIS (Pelan Strategik JAIS 2009-2014: 4).

Perubahan persekitaran yang didorong oleh faktor-faktor luaran dan dalaman termasuk pelbagai isu agama memberi impak secara langsung kepada tanggapan dan persepsi masyarakat umum terhadap keberkesan pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab yang dimainkan oleh JAIS. Keadaan ini perlu ditangani secara terancang, bijaksana dan berhemah. Di antara cabaran tersebut adalah seperti berikut:-

1. Tahap kesedaran dan penghayatan Islam di kalangan masyarakat belum menyeluruh. Di peringkat nasional, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam telah pun diperkenalkan sejak tahun 1985. Pelaksanaan dasar ini telah banyak memberi impak kepada penghayatan Islam di kalangan masyarakat termasuklah masyarakat di negeri Selangor. Namun begitu keberkesanannya agak rendah. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan kepada gejala-gejala sosial tertentu seperti mat rempit, murtad, ro gol, penagihan dadah, sumbang mahram, keruntuhan akhlak, kerapuhan institusi keluarga dan lain-lain. Walaupun pelbagai agensi Kerajaan mempunyai agenda dan program tersendiri bagi menangani cabaran ini mengikut bidang kuasa masing-masing, namun masyarakat meletakkan harapan yang tinggi kepada agensi-agensi agama untuk menangani isu-isu sosial secara lebih efektif dan menyeluruh. Fenomena ini adalah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh JAIS bagi memantapkan visi dan misinya secara berkesan.
2. Ancaman akidah, pemikiran dan dakyah agama-agama lain yang semakin menyerlah. Isu-isu penyelewengan akidah dalam masyarakat sentiasa berlaku silih berganti. Banyak ajaran sesat yang berjaya dihapuskan, tetapi ia muncul semula dalam bentuk dan jenama yang lain. Pemikiran-pemikiran yang janggal atas nama Islam juga sering mengelirukan masyarakat. Ia dipelopori oleh pihak-pihak tertentu, khususnya kesan daripada pengaruh-pengaruh pemikiran yang bergerak di luar negara. Walaupun agama Islam adalah agama Persekutuan, namun dakyah agama-agama lain semakin ketara dan dikhuatiri menggugat akidah umat Islam. Mutakhir ini timbul kecenderungan pihak-pihak tertentu menggunakan aspek perundangan untuk mencabar kewibawaan dan maruah umat Islam dalam nada yang begitu provokatif dan di luar batas keharmonian.
3. Isu perpaduan ummah, di mana perpaduan di kalangan bangsa Melayu kelihatan ada pasang surut, khususnya disebabkan perbezaan pemikiran dan pegangan siasah. Begitu juga dengan hubungan antara bangsa Melayu, Cina, India dan suku-suku kaum lain yang beragama Islam masih belum begitu kukuh, walaupun mereka telah diikat dengan kesatuan akidah. Dalam hal ini JAIS perlu memainkan peranan penting bagi menyusun pelbagai program yang dapat menyatukan umat Islam tanpa mengira bangsa dan

pemikiran dalam suatu ikatan “*ummatan wahidah*” (Pelan Strategik JAIS 2015-2019: 18).

4. Persepsi negatif terhadap pihak pengurusan hal ehwal Islam, Agensi pengurusan hal ehwal Islam sama ada di peringkat pusat atau negeri diakui sebagai institusi penting dalam pembangunan dan kemajuan umat Islam. Walau bagaimanapun, beberapa masalah yang timbul dalam masyarakat berkaitan penyampaian perkhidmatannya menggambarkan agensi-agensi tersebut tidak berperanan secara berkesan. Hakikatnya memang diakui bahawa agensi-agensi pengurusan hal ehwal Islam di negara ini masih ketinggalan dari segi kemantapan struktur organisasi, sumber manusia dan kewangan serta kemahiran tenaga kerjanya. Ini kerana sumber manusia dalam agensi Islam perlu mahir dalam dua bidang, iaitu bidang pengurusan dan bidang ilmu-ilmu agama. Usaha-usaha memperkuuhkan aspek berkenaan perlu dilakukan secara menyeluruh. Ia juga akan dapat menjana perancangan dan pelaksanaan program-program keislaman secara lebih cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, sekaligus dapat meletakkan imej pengurusan hal ehwal Islam pada kedudukan yang selayaknya.
5. Propaganda media terhadap Islam, Islam diserang dari pelbagai sudut sehingga mengakibatkan perpaduan ummah semakin luntur dan bermusuhan sesama sendiri. Tambahan pula, laporan media yang berat sebelah antara faktor yang menyebabkan imej Islam dipandang buruk di peringkat antarabangsa. Islam digambarkan sebagai militan dan musuh kepada agama-agama lain. Justeru, tanggungjawab bagi membersihkan persepsi ini dan mengetengahkan imej sebenar Islam menjadi tugas besar yang harus diberikan keutamaan dan disegerakan. JAIS perlu berperanan mempromosikan produk Islam bagi menjana ekonomi ummah serta merangkumi pelbagai platform bagi menangkis propaganda Barat secara efisyen dan berhikmah.
6. Arus globalisasi yang menjelaskan kualiti pegangan nilai dan sosiobudaya masyarakat. Arus globalisasi memberi lebih ruang yang terbuka kepada masyarakat untuk mendapat maklumat tanpa perlu disaring atau ditapis. Generasi muda masa kini lebih terdedah kepada pelbagai unsur yang boleh membentuk persepsi dan nilai yang mungkin boleh menjelaskan akidah dan budaya hidup yang murni. Adalah dibimbangi arus globalisasi ini jika tidak ditanggani dengan cekap dan strategik dan akan mendedahkan masyarakat kepada nilai-nilai yang negatif. Fenomena ini dianggap sebagai satu cabaran besar yang perlu dihadapi oleh agensi agama yang bertanggungjawab membina peradaban ummah berteraskan akidah dan syariat ke arah pembinaan akhlak yang luhur.
7. Isu gejala sosial yang membimbangkan, di mana tidak dapat disangkal bahawa media massa dan keterbukaan dalam globalisasi dunia hari ini merupakan antara faktor-faktor penting berlakunya jenayah salah laku remaja secara meluas. Selain daripada media cetak, media elektronik memainkan peranan yang tidak kurang hebatnya dalam mempengaruhi tingkah laku dan sikap anak-anak remaja. Pengaruh budaya Barat ini begitu mudah menyelinap masuk ke dalam kehidupan golongan remaja kita. Kebanyakan golongan remaja, terutamanya orang Melayu sangat mudah terpengaruh dengan budaya ini. Perkara ini perlu diambil berat dan dijadikan cabaran JAIS untuk memartabatkan Islam (Pelan Strategik 2015-209: 20).

Pelbagai isu dan cabaran yang muncul pada masa kini di kalangan masyarakat Islam menyebabkan MAIS dan JAIS menjadi lebih serius dalam menangani pelbagai masalah dan isu umat Islam khususnya isu keruntuhan sosial, pemikiran yang terpesong dari fahaman Islam, kelompok tertentu yang sentiasa cuba untuk mengganggu gugat keharmonian umat Islam dan agama Islam selaras dengan dasar pengurusan Islam negeri. Antara langkah tepat yang telah diambil adalah merangka satu pelan strategik setiap lima tahun bagi memperkemaskan dan merealisasikan usaha MAIS dan JAIS dalam memelihara kesejahteraan masyarakat Islam di Negeri Selangor.

Pelan strategik ini dikenal pasti sebagai kunci kegemilangan sistem penyampaian JAIS. Pelan Strategik ini telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiananya dapat diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Mekanisme khusus akan diwujudkan bagi memantau pelaksanaan pelan strategik ini agar ia dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.

## **PELAKSANAAN PEMBANGUNAN SOSIAL**

Terdapat beberapa tindakan dan langkah yang telah diambil oleh MAIS dan JAIS dalam usaha menjaga kesejahteraan umat Islam di Selangor samada secara dalaman mahupun luaran, antaranya:

1. Dengan mewujudkan Sektor Pembangunan Sosial di bawah kuasa MAIS yang merangkumi empat bahagian utama yang bertujuan untuk menzahirkan usaha dan tanggungjawab MAIS pada aspek pembangunan sosial di Negeri Selangor. Bahagian-bahagian tersebut adalah sepetimana berikut:
  - i. Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial yang berfungsi:
    - a. Menguruskan pentadbiran dan keselamatan pejabat merangkumi pengurusan kenderaan dan perkhidmatan pegawai sektor;
    - b. Mengurus perolehan dan agihan asnaf Mualaf dan Riqab;
    - c. Mengurus Mesyuarat Jawatankuasa NGOi dan mesyuarat sektor;
    - d. Pelaksanaan Program Pembangunan NGOi;
    - e. Pemantauan perjalanan Pusat Informasi Islam dan Baitul Naim;
    - f. Mengurus aset, inventori dan stor sektor;
    - g. Menyelaras penyediaan dokumen Manual Kuasa, KPI, Fail Meja dan MPK;

- ii. Bahagian Pemulihan Ar-Riqab yang berfungsi:
  - a. Menyelaras dan menyelia aktiviti rumah kebajikan dan perlindungan di Negeri Selangor
  - b. Mengurus perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada individu dan kumpulan Islam yang memerlukan pemulihan akidah.
  - c. Mengurus perkhidmatan perlindungan, pemulihan kaunseling kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dalam gejala sosial.
- iii. Bahagian Pendaftaran Mualaf yang bertujuan:
  - a. Mengurus Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf Negeri Selangor;
  - b. Mengurus pendaftaran pengislaman Muallaf di peringkat daerah, NGOi, IPTA dan masjid;
  - c. Mengurus Pelantikan dan elauan Pendaftar Muallaf Ibu Pejabat dan Daerah;
  - d. Mengurus kes pengurusan jenazah Muallaf;
  - e. Bertindak sebagai wakil bicara kes di mahkamah;
  - f. Program penerangan dan taklimat berkaitan prosedur pengislaman di masjid dan surau;
  - g. Permohonan penyambungan pas lawatan ikhtisas Muallaf warga asing; dan
  - h. Menerima dan melaksanakan arahan dari masa ke semasa.
- iv. MAIS Daerah yang berfungsi:
  - a. Mengurus dan mempromosikan produk perkhidmatan MAIS seperti Wang Tidak Patuh Syariah, Wang Orang Berhutang, Wasiat, Hibah, Harta Luqatah dan lain-lain di peringkat daerah.
  - b. Memberi penerangan dan khidmat nasihat kepada pelanggan berkaitan produk-produk MAIS.
  - c. Memastikan pengurusan permohonan penebusan dan terimaan hasil pusaka milik MAIS di peringkat daerah berjalan lancar.
  - d. Menguruska pendaftaran Muallaf di peringkat daerah.
  - e. Kes pengurusan jenazah Muallaf/mahkamah di peringkat daerah.
  - f. Memastikan pendaftaran, pengemaskinian data, terimaan dan penyediaan laporan yang lengkap berkaitan pengurusan harta Baitulmal dan pendaftaran Muallaf.

2. Mewujudkan Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) yang bertangungjawab:
  - a. Mengurus pelaksanaan latihan dan pembangunan insan yang terbaik dan berkesan.
  - b. Memberi latihan pengurusan perkhidmatan sumber manusia yang terbaik dan berkesan.
  - c. Memberi latihan pengurusan pendidikan yang terbaik dan berkesan.
  - d. Memberi latihan pengurusan masjid yang terbaik dan berkesan.
  - e. Memberi latihan pengurusan teknologi maklumat yang terbaik dan berkesan.
  - f. Memberi latihan pengurusan dakwah dan pembangunan insan yang terbaik dan berkesan.
3. JAIS telah mewujudkan satu bahagian hisbah yang melaksanakan amar maaruf nahi munkar yang dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan (BPN), selaras dengan peruntukan yang termaktub di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 bagi memelihara dan menjaga kesucian agama Islam dan memantau sebarang tindakan yang bertentangan dengan agama Islam.
4. Malah JAIS juga turut menubuhkan beberapa bahagian penting dalam usaha melaksanakan dasar PHEI negeri dan juga membangunkan dan memelihara kesejahteraan sosial masyarakat Islam di Negeri Selangor, antaranya Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Bahagian Dakwah (BD), Bahagian Pengurusan Masjid (BPM), Bahagian Pengurusan Halal (BPH), Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (RnD) dan Bahagian Undang-undang Keluarga (BUUK).
5. Malah penubuhan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) bagi setiap daerah di Negeri Selangor juga satu aspek yang penting dalam PHEI negeri bagi menjayakan dan merealisasikan dasar dan objektif yang telah ditetapkan.
6. Penubuhan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), di mana Yayasan Islam Darul Ehsan ini telah ditubuhkan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) seawal tahun 2011, di mana DYMM Sultan Selangor ketika itu melawat mangsa kejadian tanah runtuhan yang melibatkan Rumah Anak Yatim Al-Taqwa, Hulu Langat Selangor. Justeru itu, pihak MAIS telah mengambil inisiatif dan setelah dibuat pencambahan fikiran, penubuhan Yayasan Islam bagi tujuan tersebut dicadangkan. Usaha akan giat dijalankan bagi memastikan Yayasan ini dilandaskan yang betul dari perlaksanaannya supaya mengekalkan keutamaan di dalam Maqasid Syar'iyah iaitu penjaga Addin (agama), penjagaan An-Nafs (nyawa), penjagaan An-Nasl (keturunan), penjagaan Al-Aql (akal) dan penjagaan Al-Mal (harta). Buat permulaan, pengurusan lebih menumpu kepada mengasaskan pentadbiran yang kukuh dan stabil bagi membolehkan perancangan-perancangan dapat dirangka secara sistematik. Usaha yang giat dijalankan bagi memastikan Yayasan ini dilandaskan yang betul dari perlaksanaannya supaya mengekalkan keutamaan di dalam Maqasid Syar'iyah iaitu penjaga Addin (agama), penjagaan An-Nafs (nyawa), penjagaan An-Nasl (keturunan), penjagaan Al-Aql (akal) dan penjagaan Al-Mal (harta). Buat permulaan, pengurusan lebih menumpu kepada mengasaskan pentadbiran yang kukuh/stabil bagi membolehkan perancangan-perancangan dapat dirangka secara sistematik. Antaranya, pelancaran Yayasan

mewujudkan jalinan korporat di kalangan ‘stake holders’, merangka aktiviti-aktiviti berterusan seperti bantuan pendidikan dan bantuan kecemasan terhadap masyarakat sekiranya berlaku malapetaka dan bencana alam mengikut garis panduan yang ditetapkan (Yayasan Islam Darul Ehsan, 2019).

Kekuatan sebuah Yayasan sebahagian besarnya adalah hasil daripada aktiviti dan sumbangan dana pihak-pihak tertentu yang amat prihatin dengan keadaan sekeliling. Oleh itu, pihak Yayasan Islam Darul Ehsan membuka peluang kepada agensi-agensi kerajaan, badan korporat dan individu tertentu untuk melibatkan diri dalam pemberian sumbangan agar Yayasan ini dapat merealisasikan harapan masyarakat Islam di negeri Selangor. Setiap sumbangan tersebut akan diberi pelepasan cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Mula tahun 2013, Yayasan Islam Darul Ehsan telah mula mengorak langkah dengan mengambilalih dan mengurus selia lima (5) buah Pusat Dialisis MAIS yang sebelum ini di bawah pengurusan MAIS Dialisis Sdn Bhd. Asas penubuhan Pusat Dialisis MAIS adalah untuk menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis yang terbaik disamping menerapkan unsur keislaman kepada semua pesakit yang mengalami masalah kegagalan buah pinggang.

Sinonim dengan badan kebijakan, pada tahun 2014, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memberi mandat kepada YIDE untuk melaksanakan Program Agihan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada anak-anak yatim di negeri Selangor semasa Majlis Ihya’ Ramadhan bersama DYMM Sultan Selangor sebagai aktiviti tahunan Yayasan dan menguruskan semua hal-ehwal berkaitan anak-anak yatim negeri Selangor yang sebelum ini di bawah pengurusan Bahagian Harta Baitulmal, MAIS.

7. Penubuhan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), di mana ianya merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang ditubuhkan di bawah akta IPTS 1996. Penubuhannya secara rasmi pada 15 Februari 1995 membuktikan komitmen kerajaan negeri Selangor dalam membangunkan agenda pendidikan dan kecemerlangan ilmu. Sebagai sebuah legasi pendidikan DYMM Sultan Selangor yang sentiasa dipelihara dan disantuni menjadi pemangkin tradisi ilmu dan penyatuan umat Islam di negeri Selangor, KUIS berusaha melahirkan Da’i, Ulama dan Umara (KUIS, 2019).
8. Menubuhkan Lembaga Zakat Selangor (LZS), Lembaga Zakat Selangor merupakan sebuah institusi di bawah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor yang dipertanggungjawabkan untuk membuat aktiviti kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor. telah ditubuhkan pada 20 tahun lalu, begitu sinonim dengan pengurusan zakat di Negeri Selangor. Sebagai institusi zakat yang memegang amanah, LZS terus komited menguruskan dan memanfaatkan potensi kutipan zakat serta memastikan pengagihan zakat yang dilaksanakan efisien, efektif dan berkesan selaras dengan tuntutan syarak. Dalam tempoh dua dekad penubuhannya, LZS (MAIS) meningkatkan kecemerlangannya sebagai institusi zakat yang disegani dengan sentiasa mempergiatkan gerak kerja dakwah bagi memastikan lebih ramai masyarakat menunaikan rukun Islam ini. Manakala, pengagihan zakat juga ditambah baik agar menyeluruh dan berkesan kepada lapan asnaf yang ditetapkan dalam al Quran melalui lima program pembangunan utama asnaf iaitu Program Pembangunan Sosial,

- Pendidikan, Ekonomi, Insan dan Pembangunan Institusi Agama (Lembaga Zakat Selangor, 2019).
9. Penubuhan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd yang berada dibawah pentadbiran MAIS yang bertindak melaksanakan aktiviti membantu asnaf fakir dan miskin dalam pengurusan projek komersial dan ekonomi serta aktiviti pembangunan di Negeri Selangor.

Jelasnya pelbagai langkah dan tindakan telah dilaksanakan oleh MAIS dan JAIS dalam memelihara, membangun dan menjamin kesejahteraan sosial masyarakat Islam di Selangor di samping menjalankan aktiviti pembangunan ekonomi Islam. Malah penubuhan pelbagai institusi penting dan signifikan telah dilaksanakan MAIS berasaskan dasar PHEI negeri. Bahkan bentuk PHEI juga turut dijadikan rujukan dan model bagi negeri-negeri yang lain khususnya pada aspek idea dan kerjasama pemantapan PHEI di Malaysia.

## **KESIMPULAN**

MAIS dan JAIS memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal masyarakat Islam di Negeri Selangor. MAIS telah meletakkan dasar yang jelas terhadap pembangunan sosial umat Islam, manakala JAIS pula bertindak melaksanakan dasar tersebut sesuai Dasar PHEI MAIS yang mana ianya berpandukan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Dasar dan sistem pentadbiran hal ehwal agama Islam oleh Majlis dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di Malaysia telah mengalami perubahan dari zaman penjajahan hingga mencapai kemerdekaan dan kelahiran Malaysia selepas 1963. Dengan batasan bidang kuasa yang diamalkan melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen-Enakmen Kerajaan Negeri, pentadbiran dan tadbir urus hal ehwal Islam kini telah mengalami pengasingan dengan pentadbiran Mahkamah Syariah. Justeru itu dasar pentadbiran hal ehwal agama Islam masih mempunyai bidang kuasa dalam pendidikan Islam, zakat, baitulmal, wakaf, pusaka dan hal ehwal kewangan Islam (Ideris Endot et. al, 2011: 140).

Pelbagai langkah yang telah diambil bagi tujuan sosial masyarakat Islam di Selangor. Malah bagi mempertajamkan gerak kerja tersebut, maka diwujudkan Pelan Strategik JAIS selama lima tahun iaitu Pelan Strategik JAIS 2009-2014 dan Pelan Strategik JAIS 2015-2019. Jika diteliti semula kajian mendapati urus tadbir MAIS lebih tertumpu kepada aspek pembangunan ekonomi Islam, manakala fungsi JAIS amat jelas khusus kepada aspek pembangunan dan pemeliharaan sosial masyarakat Islam Selangor. Malah pelbagai perubahan juga telah dilakukan samada dalam aspek pengorganisasian dan gerak kerja luaran. Oleh itu, setiap pihak wajar sentiasa membantu MAIS dan JAIS dalam usaha pemerkasaan PHEI Negeri Selangor demi kepentingan agama Islam dan umat Islam.

## **RUJUKAN**

Ab Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. 2006. Dakwah Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 & Pindaan 2008. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.

Ideris Endot, Zulkiple Abd. Ghani, Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus & Abd. Ghafar Ismail. 2011. Dasar dan Sistem Pentadbiran Hal Ehwal Islam di Malaysia: Analisis Khusus Pengurusan Kewangan MAIDAM. Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus & Salasiah Hanin Hamjah ( pnyt.). Pengurusan Organisasi Dakwah. hlm. 125-142. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2019. <http://www.jais.gov.my/> [19 November 2019].

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). 2019. <http://www.kuis.edu.my/v4/> [19 November 2019].

Lembaga Zakat Selangor (LZS). 2019. <https://www.zakatselangor.com.my/> [19 November 2019]

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). 2019. <http://www.mais.gov.my> [19 November 2019].

Mohd. Shahir Abdullah. 2000. Penyelarasan Pengurusan Islam Peringkat Negeri dan Kebangsaan. Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani (pnyt.). Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Pelaksanaan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pelan Strategik JAIS 2009-2014. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor.

Pelan Strategik JAIS 2015-2019. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor.

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). 2019. <http://www.yide.com.my/> [19 November 2019].